

inovasi

Krim ekstrak sawit merah rawat ekzema



Prof Oi Ming menunjukkan inovasi REMDII Sensitive yang dihasilkan dan pingat emas dimenangi pada ITEX 2017.

[FOTO: SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

info

REMDII Sensitive

→ Penyelidikan dijalankan selama dua tahun sejak 2014
 → Memenangi pingat emas pada Pameran Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa (ITEX) 2017
 → Dikomersialkan melalui syarikat Lipidware Sdn Bhd dengan kerjasama Putra Science Park UPM
 → Mereka yang ingin mendapatkan produk ini boleh menghantar e-mel ke: lipidware@gmail.com
 → Harga jualan RM150 untuk 250 gram

BH PLUS

di www.bharian.com.my
 untuk lebih gambar dan video



REMDII Sensitive
 dibangun tanpa unsur bahan pengawet dan mengandungi bioaktif antiradang nano bagi merangsang pemulihan penghidap ekzema.

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
 ffarhana@bh.com.my

Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membangunkan sejenis krim dikenali sebagai REMDII Sensitive yang mampu melegakan simptom ekzema atau nama saintifiknya, atopik dermatitis.

Inovasi sekumpulan penyelidik itu dihasilkan daripada ekstrak kelapa sawit merah sebagai produk krim ultrapelembap semula jadi berasaskan spektrum penuh vitamin E yang bebas steroid.

Ketua penyelidik terbaik dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM, Prof Dr Lai Oi Ming, berkata ekzema boleh menyerang sesiapa sahaja sama ada dewasa mahupun kanak-kanak lelaki atau perempuan yang menyebabkan kulit menjadi merah, kering, bersisik dan sangat gatal.

“REMDII Sensitive dibangun tanpa unsur bahan pengawet dan mengandungi bioaktif antiradang nano yang mampu menembusi lapisan dermis kulit bagi merangsang pemulihan.

“Dengan menggunakan ekstrak kelapa sawit merah yang kaya tokoferol, tocotrienol dan karotenoid, selain teknologi



Pemeteraian kerjasama antara syarikat Lipidware Sdn Bhd dengan Putra Science Park UPM untuk mengkomersialkan REMDII Sensitive.

maju dalam industri penjagaan kulit serta permintaan pengguna terhadap produk lebih semula jadi, produk ini adalah ‘pembantu’ terbaik menangani masalah ekzema,” katanya pada sidang media di UPM di sini, baru-baru ini.

Testimoni pengguna

Selain Prof Oi Ming, kumpulan penyelidik itu turut dibarisi Dr Lai Wee Ting, Dr Nicholas Khong Mun Hoe, Hishammudin Muhammad dan Leow Min Min.

Mengulas lanjut, Prof Oi Ming berkata, hasil kajian mereka menunjukkan kebanyakan emolien, iaitu bahan diguna untuk mencegah atau mengurangkan kekeringan kulit yang dijual dalam pasaran bagi melegakan simptom ekzema, tidak mengan-

dungi bahan aktif.

Beliau berkata, kebanyakan produk berkenaan mengandungi bahan kimia sintetik, pengawet dan bahan asas yang mungkin boleh mengakibatkan kesan sampingan.

“Penggunaan REMDII Sensitive bukan sahaja dapat mengurangkan gatalan dan pengelupasan dengan berkesan tetapi juga mampu merawat keadaan kulit bermasalah ekzema dalam tempoh seawal dua minggu. Ini terbukti hasil testimoni yang kita terima daripada pengguna,” katanya.

Selain menyasarkan penghidap ekzema, beliau berkata, produk itu juga memberi tumpuan kepada pengguna produk halal pada semua peringkat usia.